

Bakal men

Kosmo m/s 32 07/8/07

INISIATIF eKL yang ditubuhkan dijangka mampu menarik ramai pelabur luar datang ke negara ini ekoran kemudahan infrastruktur yang cepat dengan menggunakan kaedah elektronik yang paling berkesan.

Seiring dengan itu hasrat untuk menjadikan Lembah Klang sebagai 'bandar raya digital' membuktikan usaha kerajaan untuk mengaplikasikan sepenuhnya penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) setaraf dengan negara-negara maju di dunia.

Dengan anggaran penduduk seramai 6.4 juta, jalinan elektronik itu dijangka memberi manfaat dan faedah kepada pengguna sekitar Lembah Klang menjelang tahun 2010.

Bagaimanapun, inisiatif yang mengambil masa selama empat tahun ini dijangka berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya membabitkan penggunaan ICT yang masih belum menyeluruh.

Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Penguurusan Malaysia (MAMPU), Datuk



KAWASAN LEMBAH KLANG:

- **Selangor:** Daerah Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang (KLIA dan Cyberjaya)
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya**
- **Negeri Sembilan:** Nilai
- **Tiga bandar raya:** Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam
- **Kawasan:** 504 ribu hektar
- **Jumlah penduduk:** 6.4 juta

7 arik lebih ramai pelabur luar

Normah Md. Yusof berkata, sikap ragu-ragu segelintir masyarakat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan secara elektronik menyebabkan masih ramai yang tidak menggunakannya walaupun kerajaan telah berusaha menjalankan pelbagai promosi.

"Ini adalah satu cabaran yang perlu diatasi oleh MAMPU dan pihak kerajaan iaitu mendidik masyarakat supaya menggunakan perkhidmatan ini kerana ia lebih efisien dan cepat," katanya.

Jelas beliau, dengan adanya inisiatif eKL ia sekali gus berupaya menarik lebih ramai pelabur luar datang ke negara ini kerana kemudahan infrastruktur yang lebih cepat dengan menggunakan kaedah elektronik.

"Inisiatif ini turut menjadi sebahagian daripada matlamat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9).

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri yang memberi nama kepada inisiatif eKL," jelas beliau mengenai kepen-

tingan inisiatif eKL kepada masyarakat dan negara.

Sehubungan itu tambah beliau, untuk mendapatkan ramai pelanggan menggunakan perkhidmatan dalam talian, pelbagai usaha dilakukan untuk menambah pengetahuan ICT kepada masyarakat termasuklah yang berada di luar bandar.

Antaranya, mengadakan pameran dan promosi bergerak di tempat tumpuan orang ramai seperti di pusat membeli-belah, institusi-institusi pengajian tinggi dan yang terbaru di Parlimen pada 9 hingga 12 Julai lalu dengan tujuan untuk mendedahkan mengenai perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan oleh kerajaan.

Selain itu, MAMPU telah menerbitkan risalah-risalah untuk diedarkan kepada orang ramai dan menganjurkan bengkel untuk pegawai-pegawai kerajaan dan individu.

"Yang lebih berkesan, MAMPU turut menerbitkan sisipan dengan beberapa akhbar tempatan supaya maklumat dapat disalurkan dengan lebih cepat dan meluas," ujarnya.

Perkhidmatan bersepadu itu merangkumi kawasan seluas 504,000 hektar meliputi kawasan Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya dan Negeri Sembilan.

Keperluan membangunkan dan mengintegrasikan sistem bersepadu itu adalah untuk mempercepatkan pencapaian kecemerlangan penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan di kawasan Lembah Klang.

eKL akan menyaksikan pelaksanaan kerajaan elektronik di Lembah Klang menjadi lebih efisien, cepat, berkualiti, selamat dan mesra pelanggan serta mampu memberi impak tinggi kepada orang ramai.

Inisiatif itu turut memastikan langkah pelaksanaan di Lembah Klang menjadi contoh terbaik menjelang tahun 2010 yang kemudian boleh diperluaskan ke seluruh negara.

Penekanan projek itu menunjukkan bahawa sistem yang dibangunkan memberi banyak kelebihan kepada orang ramai untuk menjalankan urusan di bawah satu perkhidmatan bersepadu di Lembah Klang.